

13 JAN 1998

Dialog-Asia

ASIA MAMPU PULIH DARIPADA MASALAH EKONOMI, KATA PAKAR

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Tokoh politik dan perniagaan serta pembuat dasar dan pakar ekonomi antarabangsa dari negara-negara Pasifik termasuk Amerika Syarikat menamatkan mesyuarat serantau di sini hari ini dengan menyatakan keyakinan bahawa Asia akan pulih daripada krisis kewangannya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku pengerusi Dialog Pasifik keempat itu, berkata semua peserta menjangka rantau ini akan bangkit semula daripada masalah ekonomi semasa.

"Keperitan akan dirasai. Perubahan mesti dilakukan. Tetapi semua pihak di rantau ini yakin kita untuk muncul semula. Semua pihak dari luar Asia Pasifik juga menjangka kita untuk bangkit semula," kata Anwar, yang juga Menteri Kewangan, dalam ucapan penutupannya.

Dialog dua hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Pusat Dasar Asia Pasifik di Washington dan Institut Penyelidikan Dasar.

Ia menghimpunkan pemimpin negara dan tokoh-tokoh berpengaruh dari 13 negara. Antara mereka ialah Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat William Cohen, bekas Setiausaha Negara Amerika Dr Henry Kissinger, Timbalan Menteri Luar Thai Dr M.R. Sukhumbhand Paribatra, bekas Menteri Luar Australia Gareth Evans, Pengerusi American International Group Inc Maurice Greenberg dan ketua ahli ekonomi Zurich Group, David Hale.

Delegasi paling besar ke dialog itu ialah dari Amerika Syarikat yang menghantar 32 peserta.

Pengerusi ISIS Tan Sri Noordin Sopiee berkata peserta dialog itu bersetuju bahawa rantau ini akan "keluar" daripada krisis kewangan semasa.

"Perkara pokok ialah keyakinan," katanya pada persidangan berita di sini.

Noordin berkata tiada jangka masa yang ditetapkan bila pemulihan ekonomi itu akan bermula.

"Semua orang berkata bahawa akhirnya pemulihan ekonomi itu akan berlaku sama ada dalam masa enam bulan, setahun, dua tahun atau tiga tahun. Tetapi, mereka optimistik bahawa masalah kewangan ini akan berakhir," katanya.

Beliau berkata delegasi Amerika yang diketuai oleh Cohen menyokong penuh peserta lain dari Asia dalam perbincangan mereka mengenai cara mengatasi masalah rantau ini.

Noordin memetik Cohen sebagai memberitahu dialog itu bahawa "Amerika bukan sahaja kawan semasa senang" yang bermaksud bahawa negara-negara Asia boleh mengharapkan sokongan Amerika walaupun semasa iklim tidak baik seperti dalam kegawatan ekonomi semasa.

Mengenai Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Noordin berkata tidak seorangpun peserta mencadangkan agar setiap negara di rantau ini yang menghadapi masalah ekonomi dimestikan memohon bantuan IMF.

Korea Selatan, Indonesia dan Thailand telahpun meminta bantuan tabung itu untuk memulihkan ekonomi masing-masing.

Semalam Anwar berkata bahawa Malaysia tidak bercadang memohon bantuan IMF tetapi akan mendapatkan nasihatnya mengenai cara menyelesaikan masalah ekonomi

Noordin berkata peserta percaya bahawa setiap negara menghadapi masalah berbeza dan oleh itu, formula IMF untuk Korea Selatan mungkin tidak serupa

dengan di Thailand dan Indonesia.

Yang demikian, tahap pemulihan ekonomi di negara-negara rantau ini juga berbeza, katanya. -- BERNAMA

ES APG NAK MAI